

Rumah Bekas Menteri Dipecah Masuk, Kerugian Dianggar RM50,000
Bernama
18 Julai, 2012

PETALING JAYA, 18 Julai (Bernama) -- Banglo isteri pertama Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayob di Kelana Jaya di sini, dipecah masuk awal pagi Rabu menyebabkan kerugian kira-kira RM50,000.

Ketika kejadian pada pukul 5.40 pagi itu, Puan Sri Faizah Shuib, 40, dan seorang pembantu rumah rakyat Indonesia sedang tidur di bilik masing-masing.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Arjunaidi Mohamed berkata tiga lelaki dipercayai rakyat Indonesia bertindak mengikat pengawal keselamatan di rumah itu yang menyedari kehadiran mereka di pintu belakang rumah.

"Mereka yang memakai penutup muka, juga mengikat Puan Sri Faizah menggunakan kabel peti sejuk," katanya kepada pemberita di tempat kejadian di sini pada Rabu.

Beliau berkata ketiga-tiga mereka menggeledah banglo itu dan melarikan barangan kemas serta jam tangan yang dianggar bernilai RM50,000.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681578>

